



## **MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PENGURUSAN ESPEK 2009**

**OLEH:**

**YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN  
KETUA PENGARAH RISDA**

**TEMPAT: DEWAN KASTURI, DE PALMA HOTEL,  
AMPANG, SELANGOR**

**TARIKH: 24 FEBRUARI 2009  
8.30 pagi**

- Yang Berusaha Pengerasi Majlis
- Yang Dihormati Tn Hj. Kamaruddin bin Mohamed Shah Pengurus Besar ESPEK
- Tn.Hj. Abdullah Sawal bin Hj. Madun, Pengerasi J/Kuasa Induk Bengkel Pengurusan ESPEK 2009,
- Ketua-Ketua Jabatan ESPEK,
- Pengurus- Pengurus Kumpulan,
- Pengurus-Pengurus Ibu Pejabat
- Pengurus Ladang dan Kilang,
- Eksekutif Ibu Pejabat/Ladang/Kilang

**Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,**

## **1. Penghargaan**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita berkumpul pada pagi yang mulia ini di Dewan Kasturi, Hotel De Palma yang serba indah dan menarik ini bagi Majlis Perasmian Bengkel Pengurusan ESPEK 2009. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurusan ESPEK diatas kesudian menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan Bengkel ini. Saya merasa amat

3

bertuah hari ini kerana dapat bertemu dengan pegawai dan eksekutif ESPEK yang secara langsung menentukan arah hala ESPEK pada tahun ini. Syabas dan tahniah kepada Pengurus Besar ESPEK kerana telah berjaya mengaturkan Bengkel seumpama ini untuk memberi garis panduan kepada Pegawai ESPEK untuk merancang program-program bagi tahun 2009 ini berlandaskan senario sosio-ekonomi, politik negara, prestasi ESPEK dalam tahun 2008 dan bajet 2009. Semoga Bengkel ini dapat dijadikan sebagai platform kepada Tuan-Tuan dan Puan-puan untuk sama-sama merancang dan melaksanakan strategi dan Pelan Tindakan

4

program-program pembangunan ESPEK bagi tahun ini dengan lebih baik dan efisien.

**Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

## **2. Amanat Pengurusan RISDA 2009**

Amanat Pengurusan RISDA bagi tahun 2009 yang bertemakan ‘Memantapkan ‘Back to basic’ telah disampaikan pada 15 Januari 2009 yang lalu, merupakan Garis Panduan kepada semua staf RISDA dan ESPEK dalam melaksanakan gerak kerja pembangunan masyarakat

pekebun kecil pada tahun ini. Keperihatinan RISDA pada tahun ini adalah Pemantapan Aktiviti Pengembangan, Kejatuhan harga getah dan sawit dan kesan kepada pendapatan pekebun kecil, Mempelbagaikan sumber pendapatan, Produktiviti, Kenaikan harga input pertanian, Kekurangan benih dan biji benih sawit, pemasaran produk pekebun kecil(komoditi & bukan komoditi), menambahkan bilangan usahawan pekebun kecil, pembangunan modal insan, pembangunan di Sarawak, kadar dividen kepada pekebun kecil, sistem penyampaian dan pindaan akta RISDA.

Bagi Anak Syarikat, penekanan khusus adalah untuk melaksanakan konsolidasi anak syarikat di bawah satu pengurusan ke arah memaksimumkan nilai (*create value*) bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan kos dan keuntungan syarikat. Anak Syarikat juga di minta menggunakan keuntungan syarikat setiap tahun bagi tujuan CSR ( *Corporate Social Responsibility* ) di mana dapat dimanfaatkan (mestilah *meaningful*) oleh masyarakat pekebun kecil, contohnya ESPEK boleh jadi '*training ground*' untuk lepasan pelajar Kolej RISDA dan wujudkan *planters* yang masih kekurangan di pasaran. Baru-baru ini, PRB di

bawah CSR, telah menyumbangkan sebuah kereta jenazah di Kelantan. Semua staf ESPEK seharusnya peka kepada keperluan dan hakikat terhadap tugas dan tanggungjawab tugas serta tanggungjawab sosial yang diamanahkan.

### 3. Amanat Pengurusan ESPEK

Pada hari ini Pengurus Besar ESPEK akan menyampaikan Amanat Pengurusan ESPEK yang berlandaskan Amanat Pengurusan RISDA 2009. Saya difahamkan sejumlah 9 kertas kerja akan dibentang selama 2 hari ini sebagai asas perbincangan. Saya amat berharap supaya ESPEK dapat

mewujud dan melaksanakan aliran dan jaringan komunikasi dua hala yang jelas, mudah dan berkesan merentasi seluruh peringkat pengurusan sehingga ke peringkat paling bawah supaya apa sahaja yang direncanakan di terima dan difahami oleh seluruh warga kerja ESPEK. Rebutlah peluang yang disediakan kepada kita untuk sama-sama terlibat dalam perancangan program pembangunan. Saya harap semua pembentangan diterima secara positive untuk tindakan penambahbaikan yang berterusan di ESPEK. Saya ingin menyuarakan harapan agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian dapat berbincang dan mengeluarkan idea-idea yang

bernas dan praktikal untuk memperbaiki perancangan dan pelaksanaan program pembangunan ESPEK. Saya percaya dan menaruh penuh keyakinan semua idea yang bakal dikemukakan semasa Bengkel ini boleh dilaksanakan di peringkat lapangan demi untuk meningkatkan keberkesanan peranan ESPEK.

Saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk menyentuh beberapa perkara untuk kita kongsi bersama-sama dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya.

#### **4. Prestasi ESPEK tahun 2008**

Bagi pihak Pengurusan RISDA, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengurusan ESPEK kerana telah berjaya meningkatkan prestasi 2008 iaitu memperoleh keuntungan selepas cukai sejumlah RM 176 juta dari Akaun Ladang dan RM3.2 juta dari akaun kilang. Ini adalah hasil gandingan usaha Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga ESPEK dalam meningkatkan keuntungan ESPEK.

11

#### **5. Produktiviti Ladang**

Keseluruhan keluasan ladang RISDA di bawah urustadbir ESPEK adalah 47,770.28 hektar melibatkan sejumlah 27 ladang dengan 16,080 peserta RTBB di seluruh negara. Produktiviti ladang sawit pada tahun lepas adalah 19.65 mt sehektar setahun berbanding 17.11 mt sehektar pada tahun 2007 iaitu peningkatan 14.85% tetapi jika dibandingkan dengan industry standard iaitu 20.21 mt sehektar, ianya masih dibawah industry standard. Ini merupakan satu cabaran kepada ESPEK. Pengurusan ESPEK perlu memberikan penekanan yang lebih dan berusaha dengan lebih gigih pada tahun ini di atas perkara

12

ini. Untuk memasuki pasaran global, kita perlu selalu berasaskan kepada industri agar tidak ketinggalan. ESPEK khususnya dikehendaki untuk mengetatkan kawalan dan meningkatkan produktiviti ladang dan kilang.

Saya berharap agar ESPEK terus maju pada tahun 2009 dan dapat bersaing dengan Agensi Perladangan lain dan menjadi sebuah Syarikat Perladangan yang terbilang. ESPEK juga perlu menambahkan kawasan pengurusan ladang (Land Bank) dengan mempunyai ladangnya sendiri. Saya percaya dimana ada kemahuan disitu ada jalan dan sekiranya di buat dengan

bersungguh-sungguh tidak mustahil satu hari nanti ESPEK akan harum namanya di bibir Masyarakat perladangan.

## 6. **Prestasi Kilang**

Syabas dan tahniah juga kepada pengurusan ESPEK di atas prestasi kilang yang telah menunjukkan arah aliran yang membanggakan. Saya berharap Pengurusan ESPEK akan teruskan fokus dan usaha peningkatan prestasi kilang pada tahun ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

## **9. Bangunan ESPEK**

Impian warga ESPEK untuk mempunyai satu Bangunan sendiri telah pun menjadi kenyataan dengan adanya Bangunan Graha ESPEK. Ianya merupakan satu lambang kebanggaan kepada warga ESPEK dan RISDA juga turut berbangga. Selepas ini, RPSB juga sedang dalam proses untuk memiliki Bangunannya sendiri.

15

## **10. Penutup**

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tn. Hj. Kamarudin bin Mohd Shah, Pengurus Besar ESPEK di atas kesudian untuk menjemput saya untuk Majlis ini dan semoga hasil sumbangan idea peserta Bengkel serta keputusannya dapat kita gunakan untuk membangunkan pekebun kecil. Saya berharap kerjasama yang baik dan hubungan yang harmoni yang sedia ada pada masa ini perlu di pelihara dan dikekalkan.

16

**Dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’ saya dengan ini merasmikan Bengkel Pengurusan ESPEK 2009 dengan doa semoga Bengkel ini akan memberi manfaat dan mencapai tujuan dan matlamat ESPEK.**

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalammualaikum  
w.b.t**